

## → TRAGEDI

### Pencarian diaktifkan jika ada bukti kukuh

4/3/19

B/HARIAN

ms 8

**Kuala Lumpur:** Pencarian pesawat MH370 akan diaktifkan semula jika kerajaan menerima cadangan khusus dan bukti kukuh daripada mana-mana pihak berkaitan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata antara faktor pertimbangan lain sebelum pencarian pesawat yang hilang lima tahun lalu itu diaktifkan semula ialah butiran perjanjian dengan syarikat pengendali pencarian.

“Jika ada bukti kukuh dan cadangan khusus terutama daripada *Ocean Infinity*, kita akan meneliti serta berbincang mengenainya (mengaktifkan pencarian).”

“Pendekatan *no cure, no fee* (bayaran dibuat jika bangkai pesawat atau serpihan ditemui) akan terus digunakan bagi mengaktifkan semula misi pencarian.

“Kita sudah bekerjasama dengan mereka (*Ocean Infinity*) sebelum ini, justeru tiada halangan untuk mengadakan perbincangan lanjut sekiranya ada keperluan untuk berbuat demikian,” katanya pada majlis ulang tahun memperingati tragedi MH370 yang kini memasuki tahun kelima, sejak dilaporkan hilang daripada radar ketika dalam penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Beijing, China, pada 8 Mac 2014 lalu, semalam.

Loke berkata, pihaknya dimaklumkan *Ocean Infinity* yang juga syarikat penerokaan dasar laut dari Amerika Syarikat, mungkin mempunyai teknologi baharu bagi membantu misi pencarian MH370.

Sehubungan itu, katanya, kementerian terbuka terhadap sebarang cadangan dan meneliti keberkesanan bantuan teknologi berkenaan, sebelum memeterai perjanjian bagi mengaktifkan semula misi pencarian.

“Mereka (*Ocean Infinity*) cakup mungkin ada teknologi baharu dalam tempoh 12 bulan lalu yang boleh digunakan untuk mencari kapal terbang itu.

“Kalau mereka boleh yakinkan kita penggunaan teknologi baharu itu, selain syarat perjanjian memihak kepada Malaysia, misi pencarian berupaya diteruskan,” katanya.